

07 OCT 1996

S46-Parlimen (Analisis Berita)

KEDUDUKAN PEMBANGKANG DI DEWAN RAKYAT TERHAKIS

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

KUALA LUMPUR, 7 Okt (Bernama) -- Pembubaran Parti Melayu Semangat 46 (S46) memberikan tamparan kepada kedudukan pembangkang di Dewan Rakyat yang akan bersidang minggu depan.

Pembangkang akan kehilangan enam daripada 29 kerusinya sekarang apabila anggota Parlimen daripada S46 termasuk presidennya Tengku Razaleigh Hamzah kembali kepada UMNO ekoran pembubaran S46 semalam.

Tengku Razaleigh, yang juga anggota Parlimen Gua Musang, dijangka menyerahkan kira-kira 200,000 borang untuk menyertai UMNO daripada bekas anggota S46 kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden UMNO esok.

"Terpulanglah kepada Speaker," kata Tengku Razaleigh kepada Bernama ketika ditanya mengenai kedudukan anggota-anggota daripada S46 itu di Dewan Rakyat jika permohonan mereka menyertai UMNO diterima.

Dewan Rakyat, yang mempunyai 192 anggota, dijadualkan bersidang selama dua bulan mulai 14 Okt. Tumpuan persidangan ialah Belanjawan tahun depan yang akan dibentangkan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dengan penyertaan anggota-anggota Parlimen S46 itu, yang kesemuanya dari Kelantan, penguasaan Barisan Nasional (BN) khususnya UMNO di Dewan Rakyat akan turut meningkat.

Biasanya, Parlimen akan dimaklumkan oleh parti-parti berkenaan mengenai penyertaan wakil-wakil rakyatnya ke dalam sesebuah parti untuk membolehkan perubahan tempat duduk dibuat.

UMNO, yang mengadakan perhimpunan agung selama empat hari mulai Rabu ini, kini mempunyai 90 anggota di Dewan Rakyat. BN keseluruhannya mempunyai 163 anggota termasuk 30 dari MCA, tujuh MIC, tujuh Gerakan, 10 Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) Sarawak.

Kalau sebelum ini, anggota-anggota S46 itu lantang bersuara dan mengundi di sebelah pihak pembangkang sejak bergabung dengan mereka hampir lapan tahun lepas, mereka kini bersedia untuk menjadi penyokong kerajaan.

Malahan Tengku Razaleigh, yang sudahpun sanggup menjadi anggota biasa dalam UMNO, menyatakan bahawa mereka akan berpegang kepada keputusan parti termasuk di Dewan Rakyat.

"Dulu saya bercakap bagi pihak parti saya selaku presiden parti...apabila parti membuat keputusan, itulah keputusan yang saya mesti laksanakan.

"Tapi sekarang apabila kita sudah sanggup membubarkan parti dan menyertai parti baru, kita tertakluk kepada apa yang diputuskan oleh parti itu (UMNO)," katanya pada persidangan berita selepas perhimpunan agung khas yang meluluskan pembubaran parti itu semalam.

S46 didaftarkan pada 5 Mei 1989 setelah usaha menubuhkan parti itu setahun sebelum itu.

Menurutnya, daripada kenyataan-kenyataan para pemimpin parti komponen lain dalam BN, beliau dapat merasakan bahawa mereka memberikan sambutan yang amat menggalakkan kepada penyatuan semula S46 ke dalam UMNO.

"Sudah tentu apabila kita bersatu, bukan sahaja UMNO menjadi kuat, Barisan Nasional sendiri akan menjadi lebih kuat," katanya.

Di kalangan pembangkang, PAS kini mempunyai tujuh kerusi Parlimen, DAP sembilan dan Parti Bersatu Sabah (PBS) tujuh.

Dengan penyertaan S46, UMNO juga mendapat kekuatan baru dalam usahanya untuk merampas semula pemerintahan di Kelantan daripada PAS.

Daripada 14 kerusi Parlimen di Kelantan, UMNO hanya menang di dua kawasan dalam pilihan raya umum lepas. Kawasan Peringat diwakili Menteri Pembangunan Tanah Datuk Annuar Musa manakala Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed mewakili kawasan Jeli.

Tengku Razaleigh berkata PAS, yang memutuskan hubungan dengan S46 Julai lepas sebagai reaksi kepada hasrat pemimpin S46 kembali kepada UMNO, kini semakin bimbang dengan penyatuan semula S46 ke dalam UMNO.

"Walaupun dia kata dia kuat tetapi dia tidak berani menguji kekuatan itu, tak berani hendak membubarkan dewan undangan negeri," katanya.

Dalam dua pilihan raya umum lepas, PAS dan S46 bergabung dalam pakatan longgar yang dinamakan Angkatan Perpaduan Ummah untuk mengalahkan BN di Kelantan. Pakatan itu memenangi 36 daripada 43 kerusi negeri.

Jika di Dewan Rakyat anggota S46 akan menyertai barisan penyokong kerajaan, keadaan yang akan berlaku di Dewan Undangan Negeri Kelantan adalah sebaliknya.

Sebelas anggota dewan undangan negeri itu termasuk empat anggota Exco kini bersedia menjadi pembangkang pula dengan penyertaan mereka ke dalam UMNO. -- BERNAMA

AZZ NMO